

12 OCT 2003

OIC-Ekspo (Qatar)/I

QATAR PROMOSI SUKAN ASIA 2006 DI EKSPLO OIC

Oleh: Muammar Kamarudin

PUTRAJAYA, 12 Okt (Bernama) -- Tuan rumah Sukan Asia 2006, Qatar, menganggap Ekspo OIC 2003 sebagai medan yang sesuai mempromosikan persiapan negara itu menganjur acara sukan terbesar Asia itu.

"Menjadi tuan rumah Sukan Asia sangat penting kepada kami dan kami datang ke sini untuk menunjuk persiapan-persiapan yang telah dibuat," kata pengarah pavilion Qatar, Ahmad Ibrahim Al-Emadi.

Beliau berkata risalah mengenai acara sukan itu diedarkan kepada pengunjung.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan ekspo itu Selasa ini. Ekspo selama enam hari itu diadakan di kawasan lapang bersebelahan Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), venue Sidang Kemuncak OIC ke-10.

Selain mempromosikan acara berkenaan, Al-Emadi berkata pihaknya turut mengagihkan risalah mengenai kebudayaan dan sejarah Qatar.

Beliau berkata antara fakta menarik mengenai negaranya ialah sebelum penemuan minyak, kebanyakan penduduk bertumpu kepada bidang perikanan dan ternakan mutiara sebagai mata pencarian.

"Sekarang kebanyakan penduduk bekerja dalam sektor minyak dan gas serta perindustrian lain," katanya.

Sebanyak 20 buah syarikat Qatar turut menyertai pameran berkenaan.

"Syarikat-syarikat itu terlibat dalam industri keluli, baja, petrokimia, makanan, bahan binaan dan minyak wangi," kata Al-Emadi.

Antara syarikat itu ialah Qatar Steel Company Ltd, Qatar Ready Made Garments Factory, Qatar Flour Mills Company dan Delaime Perfume Factory.

-- BERNAMA

MK MKO MOZ